

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[ PENGGALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 112**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah strategik Kerajaan dalam menyelesaikan masalah lambakan pendatang asing khususnya di negeri Sabah yang jumlahnya terlalu ramai dan mereka didapati bebas tinggal secara haram di dalam negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan melalui pelbagai agensi yang berkaitan telah mempergiatkan usaha menangani permasalahan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di seluruh negara. Dalam urusan pengusiran PATI di negeri Sabah, statistik operasi pengusiran PATI sehingga Mei 2019 mencatatkan seramai 583,092 PATI telah diusir sejak tahun 1990.
2. Selain daripada itu, penguatkuasaan undang-undang serta operasi pembenterasan PATI giat dilaksanakan. Sehingga Mei 2019, operasi bersepadu yang telah dijalankan di negeri Sabah sepanjang 2019 telah mencatatkan bilangan operasi sebanyak 4,598 kali dengan pemeriksaan terhadap 12,279 orang dan penahanan PATI seramai 2,282 orang.
3. Selain daripada operasi-operasi yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan, keadah penyenaian hitam oleh Jabatan Imigresen Malaysia kepada PATI yang telah diusir adalah salah satu langkah pembendungan kemasukan mereka semula ke Malaysia. Selain daripada itu, kawalan persempadanan di bahagian pantai timur negeri Sabah telah dipertingkatkan dengan pewujudan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM). Langkah ESSCOM melaksanakan perintah berkurung di kawasan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE) telah membantu mengurangkan kes-kes penyeludupan termasuklah penyeludupan manusia. Kerajaan memberikan jaminan usaha yang dijalankan pada masa kini akan diteruskan bagi memastikan permasalahan berkaitan PATI di negeri Sabah mampu dibendung dengan lebih efektif dan sistematik.

Sekian, terima kasih.